

NO. SOALAN :32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Julian Tan Kok**

**[STAMPIN]**

**TARIKH JAWAPAN : 21 MAC 2018**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan inisiatif Kerajaan yang wujud bagi merangsang serta menggalakan usahawan tempatan bagi mengembangkan kenderaan 100% elektrik serta “air taxi” (e.g Lilium,, Ehang 184, Uber Elevat etc”)

Tuan Yang Dipertua,

1. Dasar Automotif Negara (*National Automotive Policy - NAP*) tahun 2006 bertujuan untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke dalam jaringan industri serantau yang semakin kompetitif. NAP telah ditambahbaik pada tahun 2014 bagi mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih berdaya saing serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat atau hab automotif serantau bagi kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicle - EEV*) dan kenderaan elektrik (*Electric Vehicle –EV*).
  
2. Kerajaan sedang menyediakan Dasar Pengangkutan Negara bagi membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat. Pembangunan dan penggunaan EEV dan EV diberi penekanan dalam Pelan Induk Teknologi Hijau (*Green Technology Master Plan – GTMP*) yang dilancarkan pada 12 Oktober 2017. GTMP menetapkan sasaran sebanyak 85 peratus kenderaan baru berdaftar pada tahun 2020 adalah kenderaan EEV. Sasaran ini ditingkatkan kepada 100 peratus pada tahun 2030. Di bawah dasar ini, tumpuan turut diberikan kepada sistem pengangkutan yang mampan dengan kesan yang minimum terhadap alam sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

3. Sebelum ini, Kerajaan telah memberikan pengecualian cukai import dan duti eksais bagi menggalakkan penggunaan kendaraan hibrid dan elektrik. Insentif tersebut telah tamat sepenuhnya pada Disember 2017. Pada masa ini tidak terdapat insentif khusus yang diberikan untuk pembangunan kendaraan EEV dan kendaraan elektrik (EV). Walau bagaimanapun di bawah NAP 2014, syarikat pemasangan kendaraan hibrid atau elektrik secara *Completely Knocked Down* (CKD) akan dipertimbangkan pemberian insentif secara *customised*.
  
4. Pemberian insentif secara *customised* ini adalah berdasarkan tahap pelaburan strategik oleh syarikat berkenaan yang meliputi nilai pelaburan, jumlah pengeluaran, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penyediaan rantaian bekalan, peluang pekerjaan dan jumlah eksport. Insentif berupa Skim Pinjaman Mudah dan pengecualian cukai untuk pembangunan infrastruktur dan pengkomersilan teknologi bagi kendaraan EEV dan EV juga disediakan di bawah NAP 2014. Kedua-dua insentif ini boleh dinikmati oleh semua syarikat pemasangan kendaraan tempatan termasuk PROTON.

Tuan Yang Dipertua,

5. KeTTHA pada masa ini sedang dalam peringkat awal pembangunan Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (Low Carbon Mobility Blueprint) bagi memacu pembangunan kenderaan EEV dan EV di Malaysia. Pelan tindakan ini akan menyokong pelaksanaan GTMP serta memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Melalui rangka kerja strategik dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan berkaitan pembangunan EEV, Malaysia diyakini berada pada landasan yang betul untuk mencapai pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030 sebagaimana yang dihasratkan.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui agensi di bawahnya iaitu Malaysian Green Technology Corporation juga telah membangunkan rangkaian stesen pengecas elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 234 buah stesen pengecas telah dibangunkan. Selain itu, program rintis teksi elektrik juga akan dilaksanakan di Pulau Langkawi dalam masa terdekat bagi mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik serta menggalakkan pengangkutan awam rendah karbon di kawasan-kawasan pelancongan.

Tuan Yang Dipertua,

7. Pada masa kini, pihak *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) sedang membangunkan piawaian dan garis panduan berhubung perkhidmatan air taxi yang menggunakan pesawat tanpa juruterbang. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) akan membangunkan dasar dan peraturan berhubung air taxi setelah perkara ini dimuktamadkan di peringkat ICAO.

Sekian, terima kasih

.....